

02 FEB 1997

Samy - India

SYARIKAT TEMPATAN MINAT PROJEK BEKALAN AIR DAN PEMBENTUNGAN DI INDIA

SUNGAI SIPUT, Feb (Bernama) -- Sebuah syarikat tempatan, Nat-Air Sdn Bhd, telah diberi tawaran menyertai projek bekalan air dan pembedungan di ibu negeri Bangalore, Karnataka, yang merupakan bandar terbesar di Selatan India, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Katanya tawaran itu telah dibuat oleh Menteri Pembangunan Bandar Bangalore, Anand Nag, semasa beliau (Samy Vellu) melawat India selama empat hari minggu lepas.

Nat-Air telah menunjukkan minat untuk mengambil tawaran projek itu untuk membekal air dan perkhidmatan pembedungan kepada dua juta penduduk Bangalore, kata beliau kepada pemberita selepas menyampaikan ang pow dan hamper makanan kepada 20 penghuni Rumah Orang Tua Sungai Siput di sini.

Selain dari itu, Samy Vellu berkata syarikat Renong Bhd sedang membuat persiapan akhir untuk melaksanakan projek lebuh raya Bangalore-Mysore yang berharga AS250 juta (RM625 juta) sejak ia ditawarkan kepadanya oleh Ketua Menteri J H Patel.

Dalam tawaran itu Renong diberi hak mengutip tol pada lebuh raya sepanjang 110 km itu yang pembinanya akan dijalan secara berperingkat bermula dengan jalan-jalan dipusat bandar untuk membolehkannya membiayai keseluruhan projek.

Kata Samy Renong juga telah ditawarkan untuk menyiapkan sebahagian dari projek jalan dalaman sejauh 66 km di Bangalore yang gagal disiapkan oleh sebuah syarikat India kerana masalah kewangan.

Selepas menyiapkan projek ini nanti Renong juga ditawar membina lima persimpangan bertingkat di Bangalore, katanya.

Menurutnya terdapat banyak lagi projek-projek yang membolehkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di India. Antaranya ialah projek lebuh raya menghubungkan Madras dan Minambakan di negeri Tamil Naidu yang akan ditawarkan oleh kerajaan negeri itu dalam masa dua atau tiga minggu ini.

Bagaimanapun Samy Vellu berkata perbincangan diperingkat kerajaan dengan kerajaan masih diperlukan dalam melaksanakan projek-projek ini.

Dalam hubungan ini beliau akan melawat lawatan ke India sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia mendapat projek di India, katanya.

Katanya pertambahan minat syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di India ialah ekoran dari dasar pengswastan negara itu yang diperkenalkan berikutan dengan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke India baru-baru ini.

Terdahulu, Samy memberi ceramah motivasi kepada 430 pelajar tahun enam hingga ke tingkatan lima yang menyertai program bantuan pendidikan MIC (Edurec) di SRJK (T) Mahatma Gandhi di sini. -- BERNAMA

HK WAT